Sidang DUN Negeri Sembilan

# ‘Utamakan keperluan rakyat’

## Tuanku Muhriz gesa kerajaan negeri tangani masalah pandemik

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir menggesa kerajaan Negeri Sembilan mengutamakan keperluan dan menangani permasalahan rakyat selepas ramai terkesan dengan pandemik COVID-19.

Baginda bertitah, semua pemimpin dan pihak berkaitan perlu melaksanakan amanah dan tanggungjawab supaya matlamat untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat dan memajukan negeri terlaksana.

“Usaha untuk memerangi dan memutuskan rangkaian penularan cOVID-19 belum selesai. Justeru, komitmen berterusan semua pihak penting dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat dibantu.

“Beta berharap prinsip mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri atas perkara yang boleh membawa kebaikan serta manfaat bersama diberikan keutamaan, agar kejayaan yang ingin dicapai dapat direalisasikan,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-14, di sini, semalam.

Tuanku Muhriz bertitah, walaupun masih menghadapi cabaran dan dugaan khususnya akibat COVID-19, keharmonian, keselamatan dan keamanan terus dinikmati seluruh rakyat negeri ini.

Baginda melafazkan rasa kagum dengan iltizam dan kesepakatan semua pihak apabila Negeri Sembilan berjaya memasuki Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN), mulai hari ini.

“Beta mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun yang melaksanakan pelbagai inisiatif dengan penuh komited untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.



*Tuanku Muhriz (kanan) berkenan menyampaikan titah Diraja pada Perasmian Persidangan Pertama Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan di Wisma Negeri, semalam.* (Foto BERNAMA)

“Beta juga amat menghargai peranan, komitmen serta dedikasi yang ditunjukkan oleh semua petugas barisan hadapan, serta mereka yang membantu di belakang tabir dalam usaha menangani penularan COVID-19.

“Kini Negeri Sembilan sudah mencapai imuniti kelompok seperti yang kita sasarkan. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak sama ada jabatan, agensi, mahu pun sukarelawan yang menyumbang masa dan tenaga dalam merealisasikan matlamat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK),” titah baginda.

Baginda menyifatkan petugas barisan hadapan itu sebagai insan istimewa yang terus berkhidmat tanpa mengenal erti letih dan lelah.

Tuanku Muhriz melahirkan rasa syukur kerana berdasarkan program kesedaran yang berkesan dan pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang menyeluruh, jumlah rakyat Negeri Sembilan dewasa yang menerima vaksinasi lengkap dua dos melebihi 80 peratus.

Dalam pada itu, Tuanku Muhriz juga bangga Negeri Sembilan terus menjadi pilihan pelabur domestik dan luar negara walaupun hampir semua sektor ekonomi dunia terkesan akibat COVID-19.

“Bagi 2020, nilai pelaburan yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah sebanyak RM7.93 bilion, berbanding RM6.96 bilion pada 2019 dan ini pencapaian tertinggi yang pernah dicatatkan,” titah baginda.